

SURAH BUKIT PASIR



Surah: 46 Juzuk: 26 Bil. Ayat: 35

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Haa, Miim.
2. Kitab (al-Quran) ini diturunkan daripada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
3. Kami tidak menciptakan langit dan bumi serta apa yang ada di antara kedua-duanya kecuali dengan tujuan yang benar dan dalam tempoh yang ditentukan (kemusnahannya iaitu sehingga ke hari kiamat). Dan orang yang kafir berpaling daripada menerima peringatan yang disampaikan kepada mereka.
4. Katakanlah: «Terangkanlah kepadaku mengenai apa yang kamu sembah selain Allah? Perlihatkanlah kepadaku apakah yang mereka telah ciptakan daripada bahagian bumi ini? Atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam mencipta dan menguruskan langit? Bawalah kepadaku sebuah kitab selain al-Quran ini, atau sebarang peninggalan yang berdasarkan ilmu (orang yang terdahulu) jika kamu adalah orang yang benar».

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

حَمْدٌ ١

تَنْزِيلِ الْكِتَابِ مِنَ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ٢

مَا خَلَقْنَا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا
بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى وَالَّذِينَ كَفَرُوا عَمَّا أُنذِرُوا
مُعْرِضُونَ ٣

قُلْ أَرَأَيْتُمْ قَاتِلِ عُوتٍ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَرُونِي
مَاذَا خَلَقُوا مِنَ الْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي
السَّمَوَاتِ أَتَشْتَوْنَ بِكِتَابٍ مِنْ قَبْلِ هَذَا أَوْ أَتَذَرُونَ
مِنْ عِلْمٍ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ٤

5. Dan tiada yang lebih sesat daripada orang yang menyembah sesuatu selain daripada Allah, yang tidak dapat memperperkenankan (permintaannya di dunia) hinggalah ke hari kiamat, sedangkan makhluk-makhluk yang mereka sembah itu tidak menghiraukan permohonan mereka.
6. Dan apabila manusia dihimpunkan, segala yang disembah itu menjadi musuh kepada orang yang menyembahnya, dan segala yang disembah itu juga tidak mengakui penyembahan mereka kepadanya.
7. Dan apabila mereka dibacakan ayat-ayat Kami yang jelas, orang yang kafir berkata ketika kebenaran itu datang kepada mereka: «Ini adalah sihir yang nyata».
8. Bahkan mereka mengatakan: «Muhammad telah mengadakan al-Quran itu». Katakanlah: «Jika aku mengadakan al-Quran itu (maka tentulah aku tidak terlepas daripada azab kesalahan itu) kerana kamu (dan juga yang lain daripada kamu) tidak berkuasa memberikan aku perlindungan daripada (azab) Allah. Allah lebih mengetahui apa yang kamu perkatakan itu, cukuplah Allah menjadi saksi antaraku

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّن يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَنْ لَا يَسْتَجِيبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَهُمْ عَنْ دَعْوَاهُمْ غَفْلُونَ ﴿٥﴾

وَإِذَا نُتِئِلَ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِعِبَادَتِهِمْ كُفْرِينَ ﴿٦﴾

وَإِذَا نُتِئِلَ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ هَذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَيْنَاهُ قُلْ إِنْ افْتَرَيْتُهُ فَلَا تَمْلِكُونَ لِي مِنَ اللَّهِ شَيْئًا هُوَ أَعْلَمُ بِمَا تُفِيضُونَ فِيهِ كَفَىٰ بِهِ شَهِيدًا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٨﴾

dengan kamu, dan Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani».

9. Katakanlah lagi: «Aku bukanlah seorang rasul pembawa agama yang berlainan daripada agama yang dibawa oleh para rasul (yang telah lalu), dan aku tidak mengetahui apa yang akan dilakukan kepadaku dan kepada kamu. Aku tidak melakukan sesuatu melainkan mengikut apa yang diwahyukan kepadaku, dan aku tidak lain hanyalah seorang rasul pemberi peringatan yang jelas».
10. Katakanlah lagi: «Bagaimana pendapat kamu jika sebenarnya (al-Quran) ini datang daripada Allah dan kamu mengingkarinya, sedangkan ada seorang saksi daripada bani Israel⁽¹⁾ mengakui kebenaran (sahnya kitab) yang sama seperti al-Quran ini, lalu dia beriman kepadanya (al-Quran ini), sedangkan kamu bersikap sombong? Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah kepada orang yang zalim».
11. Dan orang kafir berkata kepada orang yang beriman: «Jika (apa yang dibawa oleh Muhammad) itu perkara yang baik tentulah

قُلْ مَا كُنْتُ بِدَعَاةِ الرُّسُلِ وَمَا أَدْرِي مَا يُفْعَلُ بِي وَلَا يَكْفُرُ إِن تَتَّبِعُوا إِلَّا مَا يُوْحَىٰ إِلَيَّ وَمَا أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٠﴾

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِن كَانُوا مِن عِندِ اللَّهِ وَكَفَرْتُم بِهِ وَسَيِّئُوا سَاءَ مَا يَصْنَعُونَ ﴿١١﴾ وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّن بَنِي إِسْرَائِيلَ بِرَأْيِهِ عَلَىٰ مِثْلِهِ فَقَامَتِ قَوْمٌ وَأَمْسَكَ كُرْسِيُّهُ إِنَّا أَلَّهُ أَنْ يَهْدِيَ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٢﴾

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا لَوْ كَانَ خَيْرًا مَا سَبَقُونَا إِلَيْهِ وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا بِهِمْ فَسَيَفْجُرُونَ هَذَا إِلَيْكُمْ قَدِيرٌ ﴿١٣﴾

1 Seorang saksi daripada Bani Israel ialah Abdullah bin Salam. Dia menyatakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam setelah memperhatikan bahawa di antara isi al-Quran ada yang sesuai dengan Taurat, seperti tauhid, janji dan ancaman, kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam, adanya kehidupan akhirat dan sebagainya.

mereka tidak mendahului kami mempercayainya!» Dan setelah mereka tidak dapat menerima hidayah al-Quran itu, lalu mereka mencacinya dengan berkata: «Al-Quran ini ialah pendustaan yang telah lama (wujud)».

12. Sedangkan telah ada sebelumnya kitab Musa yang menjadi ikutan dan rahmat (kepada umatnya), dan al-Quran pula sebuah Kitab yang mengesahkan kebenarannya, diturunkan dalam bahasa Arab untuk memberi peringatan kepada orang yang zalim, dan berita gembira bagi orang yang melakukan kebaikan.
13. Sesungguhnya orang yang mengatakan: «Tuhan kami ialah Allah», kemudian mereka tetap istiqamah (di atas jalan yang betul), maka tiada kebimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak akan sedih.
14. Mereka itulah penghuni syurga, mereka kekal di dalamnya, sebagai balasan bagi apa yang mereka telah lakukan.
15. Dan Kami memerintahkan manusia melakukan kebaikan kepada kedua ibu bapanya. Ibunya telah mengandungkannya dengan susah payah dan telah melahirkannya dengan susah payah. Sedangkan tempoh mengandungnya berserta dengan

وَمِنْ قَبْلِهِ كِتَابُ مُوسَى إِمَامًا وَرَحْمَةً
وَهَذَا كِتَابٌ مُصَدِّقٌ لِّمَا نَاغَرَبْنَا بِآيَاتِنَا فِي
الَّذِينَ ظَلَمُوا وَنُتِرَى لِّلْمُحْسِنِينَ ﴿١٢﴾

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا فَلَا
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾

أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا جَزَاءً بِمَا
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ
أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمَلُهُ وَفِضْلُهُ
ثَلَاثُونَ شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ

tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah dia membesar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoaah dia dengan berkata: «Wahai Tuhanku, tunjukkanlah aku supaya tetap mensyukuri nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu baku, dan supaya aku tetap melakukan kebaikan yang Engkau redai. Berikanlah kebaikan kepadaku dengan memberikan kebaikan kepada zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadaMu, dan sesungguhnya aku termasuk orang yang berserah diri (yang tunduk patuh kepadamu)».

16. Mereka itulah orang yang Kami terima kebaikan yang mereka telah lakukan. Kami mengampunkan kesalahan mereka, (mereka akan menjadi penghuni syurga, sebagai memenuhi janji yang benar yang telah dijanjikan kepada mereka.
17. Dan orang yang berkata kepada kedua ibu bapanya: «Ah! Apakah kamu berdua memperingatkan kepadaku bahawa aku akan dibangkitkan keluar dari kubur, sedangkan umat-umat sebelumnya (masih belum kembali)?» Sambil

أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ
نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ
أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي
إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَىٰكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ نَتَقَبَّلُ عَنْهُمْ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا
وَنَتَجَاوَزُ عَنْ سَيِّئَاتِهِمْ فِي أَصْحَابِ الْجَنَّةِ
وَعَدَّ الصِّدْقِ الَّذِي كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿١٦﴾

وَالَّذِي قَالَ لَوْلَدَيْهِ أُفٍّ لَّكُمَا أَتَعَدَاَنِ أَنْ
أُخْرَجَ وَقَدْ خَلَّتِ الْقُرُونُ مِنْ قَبْلِي وَهُمَا
يَسْتَعْجِلَانِ اللَّهَ وَيَلْتَمِسُنَّ اللَّهَ وَأَمِنَ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ
فَيَقُولُ مَا هَذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿١٧﴾

kedua ibu bapanya merayu memohon pertolongan Allah serta berkata (kepada anaknya yang ingkar itu): «Celakalah engkau! Berimanlah! Sesungguhnya janji Allah tetap benar». Maka dia menjawab: «Semua itu hanyalah cerita-cerita dongeng orang dahulu».

18. Mereka itulah orang yang tetap menerima hukuman (azab) bersama-sama dengan umat yang terdahulu sebelum mereka daripada golongan jin dan manusia. Sesungguhnya mereka adalah orang yang rugi.
19. Dan bagi mereka (golongan jin dan manusia) disediakan pelbagai peringkat (balasan) yang sesuai dengan apa yang mereka telah lakukan, dan supaya Allah menyempurnakan bagi mereka balasan amalan mereka dan mereka tidak dizalimi.
20. Dan pada hari orang kafir dihadapkan ke neraka (serta dikatakan kepada mereka): «Kamu telah menghabiskan nikmat kesenangan kamu dalam kehidupan dunia kamu, dan kamu telah bersenang-lenang menikmatinya, maka pada hari ini kamu dibalas dengan azab yang hina kerana kamu menyombongkan diri di muka bumi tanpa berdasarkan alasan yang benar dan juga kerana kamu berlaku fasiq».

أُولَئِكَ الَّذِينَ حَقَّ عَلَيْهِمُ الْقَوْلُ فِي أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ
 مِنْ قَبْلِهِمْ مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنَّهُمْ كَانُوا خَسِرِينَ ﴿١٨﴾

وَلِكُلِّ دَرَجَةٍ مِمَّا عَمِلُوا أُولَئِكَ لَهُمْ أَعْمَالُهُمْ
 وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٩﴾

وَيَوْمَ يُعْرَضُ الَّذِينَ كَفَرُوا عَلَى النَّارِ أَلَذَّابَةٌ
 طَيِّبَةٌ كَيْفَ فِي حَيَاتِكُمْ الدُّنْيَا وَأَسْتَمْتَعْتُمْ بِهَا
 فَالْيَوْمَ تُجْرَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنْتُمْ
 تَسْتَكْبِرُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَبِمَا
 كُنْتُمْ تَفْسُقُونَ ﴿٢٠﴾

21. Dan ingatlah peristiwa saudara kaum Aad (Hud), ketika dia memberi peringatan kepada kaumnya yang tinggal di lembah «Al-Ahqaaf», sedangkan peringatan itu telah diberikan oleh para rasul yang terdahulu sebelumnya dan yang datang selepasnya (dengan berkata): «Janganlah kamu menyembah selain Allah, sesungguhnya aku bimbang kamu akan mendapat azab pada hari kiamat».

22. Mereka menjawab: «Adakah engkau datang kepada kami untuk memesongkan kami daripada menyembah tuhan kami? Maka datangkanlah azab yang engkau janjikan kepada kami itu jika engkau adalah daripada orang yang benar!»

23. Hud berkata: «Sesungguhnya ilmu (tentang azab itu) hanya ada di sisi Allah, dan aku menyampaikan kepada kamu apa yang diwahyukan kepadaku, tetapi aku melihat kamu satu kaum yang jahil (tentang tugas rasul)».

24. Maka apabila mereka melihat azab itu berupa awan yang menghalai ke lembah mereka, mereka berkata: «Ini ialah awan yang akan menurunkan hujan kepada kita». Tidak! Bahkan itulah (azab) yang kamu minta disegerakan kedatangannya, iaitu angin yang membawa azab yang sangat pedih.

﴿وَأَذْكُرَ الْأَعْمَادَ إِذْ أَنْذَرَ قَوْمَهُ بِالْأَحْقَافِ وَقَدْ خَلَّتِ النُّذُرُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ﴾

﴿قَالُوا إِنَّمَا آجِئْتَنَا بِتَأْفِكِنَا عَنْ آلِهَتِنَا فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَا إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ﴾

﴿قَالَ إِنَّمَا الْعِلْمُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِن لَّيُكُفَّرُ مَا أُرْسِلْتُ بِهِ وَلَئِن كُنِي أَرَاكُمْ قَوْمًا تَجْهَلُونَ﴾

﴿فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُّسْتَقْبِلَ أَوْدِيَّتِهِمْ قَالَ لَوْ هَذَا عَارِضٌ مِّمَّنْ طَرَأْنَا لَنَكُنُّ هُمْ مِمَّا اسْتَعْجَلْتُم بِهِ رِيحٌ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

25. «Yang menghancurkan segala-galanya dengan izin Tuhannya». Maka jadilah mereka tidak kelihatan kecuali tempat tinggal mereka. Demikianlah Kami membalas kaum yang berdosa.

تُدْمِرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا فَاصْبِرْ لَوْلَا يَرَى
إِلَّا الْمَسْكَنَاتُ لَهُمْ كَذَلِكَ نَجْزِي الْقَوْمَ
الْمُجْرِمِينَ ﴿١٥﴾

26. Dan sesungguhnya Kami telah meneguhkan kedudukan mereka yang tidak pernah Kami berikan kepada kamu dan Kami telah memberikan mereka pendengaran, penglihatan dan hati. Dalam pada itu, pendengaran dan penglihatan serta hati mereka tidak memberikan manfaat sedikit pun kepada mereka kerana mereka sentiasa mengingkari ayat-ayat Allah, dan mereka dikelilingi oleh azab yang mereka telah persendakan itu.

وَلَقَدْ مَكَّنَّا لَهُمْ فِي مَا آتَيْنَاهُمْ مِنْكُمْ مَكَّنًا وَمَا كَانُوا يَشْكُرُونَ
وَجَعَلْنَا لَهُمْ سَمْعًا وَأَبْصَارًا وَأَفْئِدَةً فَمَا أَغْنَى
عَنْهُمْ سَمْعُهُمْ وَلَا أَبْصَارُهُمْ وَلَا أَفْئِدَتُهُمْ
مِنْ شَيْءٍ إِذْ كَانُوا يَجْحَدُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَحَاقَ
بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿١٦﴾

27. Dan sesungguhnya Kami telah membinasakan negeri-negeri yang ada di sekitar kamu⁽¹⁾, dan Kami telah menjelaskan tanda-tanda (kekuasaan Kami) dengan pelbagai cara semoga mereka kembali (bertaubat).

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا مَا حولَ كُرْمٍ مِنَ الْقَرْيَةِ
وَصَرَفْنَا الْأَيْتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٧﴾

28. Maka mengapa (berhala) yang mereka sembah selain daripada Allah tidak boleh menolong mereka mendekati diri (kepada Allah)? Bahkan segala yang mereka sembah itu telah lenyap daripada mereka. Dan itulah pembohongan mereka yang mereka telah ada-adakan.

فَلَوْلَا نَصْرُهُمُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ
اللَّهِ قُرْبَانًا لِلَّهِ تَبْلُغُوا عَنْهُمْ ذَلِكَ
إِن كُفِّرُوا وَنُصِرَتْ أَرْوَاقُهُمْ ﴿١٨﴾

1 Negeri-negeri di sekitarmu ialah negeri-negeri yang berada di sekitar kota Mekah seperti negeri-negeri al-Hijr, Sadum, Ma'rib dan lain-lain.

29. Ketika Kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar al-Quran, setelah mereka menghadirinya, mereka berkata: «Diamlah kamu» (untuk menumpukan ingatan ketika mendengar). Kemudian setelah selesai bacaan itu, mereka kembali kepada kaumnya untuk memberi peringatan dan amaran.
30. Mereka berkata: «Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar Kitab (al-Quran) yang diturunkan selepas Musa yang menegaskan kebenaran kitab suci yang terdahulu sebelumnya, membimbing kepada kebenaran dan ke jalan yang lurus».
31. «Wahai kaum kami! Sahutlah (seruan) rasul yang menyeru ke jalan Allah serta berimanlah kepadanya, supaya Allah mengampunkan sebahagian daripada dosa kamu dan menyelamatkan kamu daripada azab yang sangat pedih.
32. «Dan sesiapa yang tidak menyahut (seruan) rasul yang menyeru ke jalan Allah, maka dia tidak akan dapat melepaskan diri daripada azab Allah di bumi, dan tiada pelindung baginya selain Dia. Mereka itu berada dalam kesesatan yang nyata».

وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ الْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ
الْقُرْآنَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنصَبُوا
فَلَمَّا فَصِي وَتَوَلَّوْا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ مُنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

قَالُوا يَا قَوْمَنَا إِنَّا سَمِعْنَا كِتَابًا أُنزِلَ مِنْ
بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِي
إِلَى الْحَقِّ وَالْإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

يَقَوْمَنَا أَجِيبُوا دَاعِيَ اللَّهِ وَآمِنُوا بِهِ
يَغْفِرْ لَكُمْ مِّنْ ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابِ
الْأَلِيمِ ﴿٣١﴾

وَمَنْ لَا يُجِيبِ دَاعِيَ اللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِي
الْأَرْضِ وَلَيْسَ لَهُ مِن دُونِهِ أَوْلِيَاءُ أُولَٰئِكَ
فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾

33. Tidakkah mereka perhatikan bahawa sesungguhnya Allah yang telah menciptakan langit dan bumi tanpa mengalami kesukaran itu berkuasa menghidupkan makhluk yang telah mati? Ya, sesungguhnya Dia Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.
34. Dan (ingatlah) pada hari orang yang kafir dihadapkan ke neraka, (lalu dikatakan kepada mereka): «Bukankah neraka ini benar?» Mereka menjawab: «Ya, benar, demi Tuhan kami!». Allah berfirman: «Maka rasakanlah azab kerana kamu di dunia dahulu mengingkarinya».
35. Maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya rasul Ulul ‘Azmi (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) di kalangan para rasul (sebelummu), dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka. Sesungguhnya keadaan mereka semasa memerhatikan azab yang dijanjikan, mereka merasai seolah-olah mereka tinggal (di dunia) sekadar satu saat sahaja pada siang hari. Tugas engkau adalah menyampaikan. Maka (ingatlah) tidak ada yang dibinasakan kecuali kaum yang fasiq.

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضَ وَلَمْ يَغْيُ بِخَلْقِهِنَّ يَقْدِرْ عَلَىٰ أَنْ
يُحْيِيَ الْمَوْتَىٰ بَلَىٰ إِنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾

وَيَوْمَ يُعْرَضُ الَّذِينَ كَفَرُوا عَلَى النَّارِ أَلَيْسَ هَذَا
بِالْحَقِّ قَالُوا بَلَىٰ وَرَبِّنَا قَالَ فَذُوقُوا الْعَذَابَ
بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٤﴾

فَأَصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُو الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا
تَسْتَعْجِلْ لَهُمْ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ
لَمْ يَلْبَسُوا إِلَّا سَاعَةً مِّن نَّهَارٍ بَلِّغْ فَهَلْ
يُهْلِكُ إِلَّا الْقَوْمَ الْفَاسِقُونَ ﴿٣٥﴾